

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 7()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
BIL. 5 TAHUN 2020**

Tarikh : 24 Jun 2020 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 5/2020.

Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Tayangan gambar-gambar pelaksanaan program/aktiviti yang telah berlangsung sepanjang bulan Jun 2020.
- ii) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Puan Pengerusi memaklumkan tentang taraf Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ). Syukur ke hadrat Ilahi, MPSJ telah mendapat perkenan DYMM Tuanku Sultan Selangor tarikh pengisytiharan dan penguatkuasaan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) pada 20 Oktober 2020.
- v) Puan Yang Dipertua memaklumkan info / hebahan berkaitan pembukaan ekonomi di kawasan pentadbiran MPSJ dalam

tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) seperti yang berikut:

- Bagi sektor Pengurusan Strata, terdapat dua (2) aktiviti utama yang telah dibenarkan selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang telah diumumkan oleh pihak Kerajaan. Pertama, Mesyuarat Agung Tahunan (AGM), Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) dan Mesyuarat Jawatankuasa dibenarkan untuk dijalankan secara fizikal dengan mematuhi SOP khusus yang telah ditetapkan. Pegawai Jabatan COB akan memantau pelaksanaan mesyuarat berkenaan bagi memastikan penduduk mematuhi SOP yang telah ditetapkan;
- Fasiliti yang terdapat di dalam harta bersama (*common property*) seperti kolam renang, gimnasium, surau, dewan serbaguna dan sebagainya boleh digunakan namun tertakluk kepada kebenaran dan SOP yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa;
- MPSJ mewajibkan semua premis perniagaan mengguna pakai aplikasi Selangkah sebagai langkah kawalan Covid 19;
- Aktiviti pasar pagi dan pasar malam di kawasan pentadbiran MPSJ telah dibuka semula mulai 16 Jun 2020 dengan SOP yang ditetapkan;

- Tanah Perkuburan Islam USJ 22 telah dibuka untuk aktiviti ziarah mulai 11 Jun 2020 dan tertakluk kepada peraturan dan SOP yang telah ditetapkan iaitu hanya 30 orang sahaja dibenarkan memasuki tanah perkuburan dalam satu-satu masa dan setiap pelawat dikehendaki memakai topeng muka dan menjaga penjarakkan sosial antara sesama waris yang datang menziarah;
- Pihak Majlis telah membuka beberapa kemudahan untuk kegunaan awam bermula 15 Jun 2020 mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Antara kemudahan yang telah dibuka adalah seperti berikut:

BIL	DEWAN	AKTIVITI / KEMUDAHAN
Zon Subang Jaya		
1.	Arena MPSJ, USJ 5	Jogging sahaja
2.	Dewan Serbaguna MPSJ, SS 15, Subang Jaya	Badminton Sahaja
3.	Dewan Serbaguna MPSJ Batu 3	
4.	Dewan Serbaguna MPSJ USJ 7	
5.	Kompleks 3K, SS13 Subang Jaya	
		Badminton dan Gimnasium Sahaja
Zon Puchong / Kinrara		
6.	Dewan Serbaguna MPSJ, Puchong Indah	Badminton Sahaja

BIL	DEWAN	AKTIVITI / KEMUDAHAN
7.	Dewan Serbaguna MPSJ, Puchong Jaya	
8.	Dewan Serbaguna MPSJ, Puchong Batu 14	
9.	Dewan Serbaguna MPSJ, Puchong Utama 7	
10.	Dewan Serbaguna MPSJ, Taman Kinrara	
11.	Dewan Serbaguna MPSJ, Bandar Bukit Puchong	
12.	Dewan Serbaguna MPSJ, Kampung Seri Aman	
13.	Dewan Serbaguna MPSJ, Bandar Puteri	
Zon Seri Kembangan		
14.	Stadium MPSJ, Serdang Jaya	Badminton Sahaja
15.	Dewan Serbaguna MPSJ, Seri Serdang	
16.	Dewan Serbaguna MPSJ, Seri Kembangan	
17.	Dewan Serbaguna MPSJ, Bukit Serdang	
18.	Kompleks 3K, Serdang Raya	Badminton, Jogging dan Gimnasium Sahaja

- vi) Puan Yang Dipertua turut berkongsi tentang situasi semasa Demam Denggi. Sehingga minggu epid 25 terdapat sebanyak 4004 kes demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MPSJ.

Terdapat 17 lokaliti *hospot* di kawasan pentadbiran MPSJ iaitu di Taman Pinggiran USJ 1, USJ 2/5, USJ 2/4, Batu 13 Koi Kinrara, Bandar Bukit Puchong (Vista Prima), Taman Tasik Prima 4, Taman Puchong Permai (Flat 38 Blok A), Taman Puchong Utama (Jalan PU 3), Pusat Bandar Puchong (Jalan Wawasan 2), Taman Damai Utama 7 (Pangsapuri Damai Utama), Taman Equine (Flat Putra Permai Equine Blok B), Kota Perdana KP 4 (Mawar Jaya), Taman Perindustrian Sri Kembangan, Taman Serdang Perdana (One South), Taman Serdang Jaya 7 (PKNS Blok 1-11), Taman Sri Serdang 3 (Jalan 18/30-18/44 & 18/46) dan Taman Bukit Serdang 10 (Vista Impiana).

Masyarakat diminta mengamalkan aspek kebersihan dengan mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes di sekitar premis masing masing.

- vii) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPSJ 2019 pada 1 Julai 2020 (Rabu) pada jam 1.45 petang bertempat di Dewan Kenanga MPSJ. Seramai 123 orang kakitangan akan menerima

anugerah perkhidmatan cemerlang dan 7 orang kakitangan akan bersara wajib. Majlis ini akan diadakan mengikut norma baru dan *Standard Operation Procedure* (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 4/2020

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 4/2020 bertarikh 20 Mei 2020 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

4.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 4/2020

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 4/2020 bertarikh 20 Mei 2020 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.9/2020 bertarikh 3 Jun 2020 (Rabu)

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang
Jaya Bil.10/2020 bertarikh 17 Jun 2020 (Rabu)**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis
Perbandaran Subang Jaya Bil.5/2020 bertarikh 10 Jun 2020**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan
Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 4/2020 bertarikh
12 Jun 2020**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.3.3 & m/s 3	Encik Yap Kok Weng	Tempat Letak Kereta di Kawasan	Beliau meminta pembetulan minit mesyuarat daripada JNB

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Pangsapuri Koi	<p>kepada JMB.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan membuat pembetulan minit mesyuarat.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Pelesenan</p>
2.	Para 3.3 & m/s 3	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Tempat Letak Kereta di Kawasan Pangsapuri Koi	<p>Beliau meminta agar ahli majlis kawasan dilibatkan bagi perbincangan mengenai perkara ini.</p> <p>Maklum balas:</p> <p>Puan Yang Dipertua bersetuju agar Ahli Majlis kawasan dilibatkan bersama bagi</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				menangani masalah ini. Tindakan : Jabatan Kejuruteraan
3.	Para 3.8 & m/s 5	Encik Thomas Low Yew Sin	Dasar 1 Peniaga Baru Untuk 1 Pasar Malam / Pasar Pagi Sahaja	Beliau memohon penjelasan terhadap dasar ini. Maklum balas: Puan Yang Dipertua memaklumkan dasar ini terpakai untuk pemohon baharu sahaja. Makluman
4.	-	Puan Yang Dipertua	-	Dalam usaha membantu golongan peniaga di kawasan MPSJ, mesyuarat bersetuju perkara ini dilaksanakan: i) Mewujudkan <i>task force</i> usahawan kecil MPSJ; ii) Mewujudkan portal

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				keusahawanan; iii) Mewujudkan portal <i>city directory</i> . Tindakan : Jabatan Pelesenan / Jabatan Teknologi Maklumat

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

6.1 Kertas Cadangan Permohonan Pengurusan Iklan Panel Bunting di Tiang Lampu MPSJ (Zon Subang Jaya dan Kinrara) bagi tahun 2020 (Kertas Mesyuarat Bil.10/5/2020)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Pelesenan dan dibentangkan oleh Pengarah Pelesenan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan meluluskan terma dan syarat yang berikut:

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN
1.	Tempoh masa persetujuan	Penggunaan tiang lampu Majlis selama enam (6) bulan sahaja iaitu bermula 1

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN
	beroperasi	Julai 2020 hingga 31 Disember 2020.
2.	Bilangan tiang lampu Majlis	<p>Majlis menawarkan keseluruhan pengurusan iklan di tiang lampu bagi Zon Subang Jaya dan Kinrara termasuk yang diminta oleh pihak syarikat iaitu 400 tiang lampu di zon Subang Jaya dan 400 tiang lampu zon Kinrara.</p> <p>Namun begitu, hanya 800 tiang ini menjadi keutamaan untuk bayaran tetap pada Majlis manakala bayaran bagi tiang lain adalah bergantung kepada pemohonan semasa.</p>
3.	Lokasi tiang lampu utama	Pihak syarikat diminta mengemukakan / menyenaraikan nama jalan dan bilangan tiang yang dimohon kepada pihak Majlis.
4.	Kadar bayaran dan tempoh bayaran kepada Majlis	<p>Kadar Fi iklan – 1 tiang RM 40.00 x 400 tiang = RM 16,000.00 (2 visual) untuk setiap Zon.</p> <p>RM 16,000.00 x 2 Zon = RM 32,000.00 Sebulan</p> <p>RM 32,000.00 sebulan x 6 bulan = RM 192,000.00.</p> <p>Bayaran adalah secara bulanan dan</p>

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN
		<p>syarikat dikehendaki membuat bayaran untuk 400 tiang setiap Zon secara lump sum setiap bulan.</p> <p>Jadual bayaran pada setiap 15hb untuk bayaran bulan berikutnya.</p> <p>Sekiranya bersetuju untuk memulakan pengoperasian pada bulan Julai 2020, bayaran pertama beserta cagaran hendaklah dijelaskan sebelum 1 Julai 2020.</p>
5.	Cagaran	Majlis menetapkan kadar cagaran adalah sebanyak satu (1) bulan bayaran yang bernilai RM 32,000.00.
6.	Keperluan Insuran	Bernilai RM 1,000,000.00.
7.	Kadar bayaran pada pelanggan	Mesyuarat tidak menetapkan harga siling kepada syarikat, penetapan harga bayaran kepada pelanggan ditentukan oleh pihak syarikat.
8.	Kaedah permohonan	<p>Manual, contoh borang permohonan hendaklah dikemukakan kepada pihak jabatan.</p> <p>Bagi tujuan perkhidmatan kepada pelanggan dan keperluan pengoperasian, pihak syarikat hendaklah menyediakan</p>

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN
		sebuah pejabat urusan dalam kawasan pentadbiran MPSJ dan mempunyai lesen perniagaan yang sah.
9.	Saiz iklan bunting	Saiz iklan bunting tertakluk kepada kesesuaian lokasi jalan dan tidak melebihi saiz adalah 3 kaki x 6 kaki.
10.	Iklan tanpa kelulusan permit	Syarikat diminta untuk memastikan tiada iklan tanpa permit yang dipasang di tiang-tiang lampu Majlis. Penurunan iklan perlu dijalankan setiap minggu dan laporan di hantar kepada MPSJ setiap akhir bulan.
11.	Syarat tambahan	i) Semua paparan iklan perlu mematuhi syarat-syarat lesen iklan termasuk kelulusan DBP; ii) Semua iklan dan frame perlu diturunkan sebelum tamat tempoh tawaran; iii) Tidak dibenarkan menyewakan tiang lampu kepada pihak ketiga (<i>sub let</i>).

Tindakan : Jabatan Pelesenan

**6.2 Pembentangan Draf Penyata Kewangan MPSJ bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019
(Kertas Mesyuarat Bil. 11/5/2020)**

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Perbendaharaan dan dibentangkan oleh Pengarah Perbendaharaan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dengan pembentangan Draf Penyata Kewangan MPSJ bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Tindakan : Jabatan Perbendaraan

7.0 PENUTUP

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 tengah hari.

Tarikh Disediakan : 25 Jun 2020

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha Perbandaran

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Yang Dipertua

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran Mesyuarat | - | Setiausaha |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 5. | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik M Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 7. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 8. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | " |
| 9. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh | - | " |
| 10. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 12. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 13. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 14. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |

15.	Encik Thamilarasu Sandayan	-	"
16.	Encik Wong Yii Seang	-	"
17.	Encik Lee Jen Uyin	-	"
18.	Puan Ng Seow Chen	-	"
19.	Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi	-	"
20.	Encik Koh Eng Kee	-	"
21.	Encik Thong Kim Fatt	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Encik Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan

7. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Puan Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
11. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
12. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
14. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
15. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
16. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
17. Sr Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB

18. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
19. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
20. Encik Sabbit Akmal bin Idrus
Penolong Pegawai Tadbit Kanan, Unit Integriti
21. Puan Diyana Sharina
Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan Pelesenan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan